


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 25 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 31)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

No : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan
[Padang Serai]**

TARIKH : 25 November 2008 (Isnin)

SOALAN : 10

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia akan membenarkan semua syarikat penerbangan diberi status sama rata.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah membezakan sesebuah syarikat penerbangan dengan syarikat penerbangan yang lain. Semua syarikat penerbangan di Malaysia sememangnya sentiasa diberikan status sama rata.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang)

TARIKH : 25 November 2008 (SELASA)

SOALAN:

Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil/kemajuan ke atas tindakan Kerajaan keseluruhan jentera Kerajaan sejak isu *little napoleon* dibangkitkan. Apakah Kerajaan akan memberi ganjaran kepada pengadu dalam usaha untuk mensifarkan *little napoleon*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi isu *little napoleon* di dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Tindakan-tindakan ini berteraskan penerapan dan penghayatan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik di dalam amalan-amalan pentadbiran. Umpamanya, penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di bawah Arahan YAB Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 1998 bertujuan untuk mencegah rasuah dan amalan salah guna kuasa dan penyelewengan kakitangan awam di peringkat Persekutuan. Usaha selanjutnya adalah penubuhan Pasukan Petugas Mengurangkan

Kerenah Birokrasi di peringkat Kementerian dalam tahun 2003 yang bertujuan untuk mengurangkan kerenah birokrasi bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk mengurangkan ruang dan peluang untuk melakukan penyelewengan dan amalan rasuah. Usaha ini turut diperkukuhkan dengan penggubalan dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dalam tahun 2004 yang mensasarkan peningkatan penyampaian perkhidmatan awam melalui dua objektif pengukuhan prinsip ketelusan dan tadbir urus yang terbaik di samping peningkatan integriti pengurusan perkhidmatan awam.

Keperihatinan berterusan Kerajaan terhadap kepentingan tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam turut merangkumi penerangan mengenai tatacara kepimpinan di sesebuah agensi Kerajaan dalam menjalankan tugasnya dengan penuh integriti, akauntabiliti, pengamanahan dan pengawasan serta telus semasa berurusan dengan stakeholders dan pelanggan. Arahan ini yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) melalui surat bertarikh 9 Mac 2007 menetapkan bahawa semua Ketua agensi mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JTU) setiap tiga (3) bulan sekali bagi menilai keberkesanan pelaksanaan tadbir urus di agensi masing-masing. Sepuluh aspek utama pengurusan organisasi yang kritikal yang harus dinilai bagi pelaksanaan tadbir urus, iaitu seperti berikut:

- i. menerajui matlamat strategik agensi;
- ii. mengurus stakeholders;

- iii. mewujudkan strategic Key Performance Indicators (KPI) setiap tahun untuk mengukur dan mengesahkan pencapaian prestasi agensi;
- iv. mengurus modal insan untuk mencapai matlamat strategik agensi secara berkesan;
- v. mengurus sumber kewangan sejajar matlamat strategik agensi;
- vi. melaksanakan sistem dalaman;
- vii. melaksanakan pengurusan risiko;
- viii. memantapkan nilai dan etika organisasi;
- ix. menangani penyelewengan (fraud) dan rasuah; dan
- x. menggalakkan pembaharuan dalam pengurusan.

Bagi menilai kesan daripada pelaksanaan tindakan-tindakan tersebut, satu Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional 2007 telah dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Kajian ini bertujuan, antara lain, untuk mengukur tahap integriti penjawat awam mengenai gejala rasuah dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Indeks Persepsi Rasuah Penjawat Awam dan Indeks Persepsi Kualiti Penyampaian Khidmat Awam masih memerlukan tindakan-tindakan susulan yang lebih bersepadu untuk meningkatkan tahap persepsi integriti masyarakat Malaysia terhadap perkhidmatan awam dan Kerajaan.

Buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk memberi ganjaran kepada mereka yang mengemukakan aduan dalam usaha mensifarkan *little napolean*.

No: 12

SJ.B/(109)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 25.11.2008 SOALAN NO: 12

Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan Kerajaan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara. Selain dari Petronas mengapakah sumbangan dari pihak lain seperti syarikat-syarikat bijih timah, atau syarikat yang melibatkan sumber asli tidak diminta menyumbang kepada kumpulan wang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan penggunaan optimum sumber-sumber asli negara yang menyusut bagi faedah generasi akan datang dan memberikan sumber pendapatan yang berterusan serta stabil kepada Kerajaan dan negara.

2. Petronas merupakan penabung tunggal kepada KWAN memandangkan sumber minyak mentah dan gas merangkumi

kira-kira 99.4% daripada jumlah pengeluaran industri perlombongan negara. Sumber-sumber asli perlombongan yang lain seperti bijih timah dan kuari hanya menyumbang 0.6% kepada sektor perlombongan dengan catatan nilai sebanyak RM566 juta pada tahun 2007. Di samping itu, sumber asli perlombongan selain daripada minyak mentah dan gas berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, adalah agak sukar untuk mendapatkan sumbangan daripada sumber asli yang lain kecuali minyak mentah dan gas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Datuk Juslie Bin Ajirol

TARIKH: 25 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan dalam membantu pekerja sektor swasta berikutan harga minyak yang melonjak tinggi mempengaruhi kenaikan harga barang.

PR-1213-L15908

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa prihatin terhadap warga pekerja di sektor swasta yang menghadapi tekanan akibat kenaikan harga minyak yang turut mempengaruhi kenaikan harga barang di pasaran. Harga minyak petroleum yang telah melonjak naik sejak bulan Jun 2008 telah diturunkan hampir ke harga asal pada pertengahan bulan November 2008. Walau bagaimanapun, KSM telah mengambil beberapa langkah proaktif diantaranya meminta syarikat-syarikat perladangan menghidupkan semula Program Buku Hijau di mana majikan memperuntukkan sebidang tanah untuk pekerja mereka bercucuk tanam, memperuntukkan tanah-tanah yang terbiar kepada pekerja-pekerja untuk mengusahakan tanaman sayur-sayuran secara berkelompok dan membantu menyediakan benih dan baja.

Pihak ladang juga digalakkan menyediakan pengangkutan percuma untuk membawa anak-anak pekerja ladang ke sekolah. Bagi menambah pendapatan isi rumah, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan Program *Homeworking*. Program ini merupakan program kerjasama dengan syarikat swasta dan disasarkan kepada suri rumah tangga, ibu tunggal dan golongan kurang upaya dan keluarga miskin yang tidak berpeluang bekerja secara tetap. Di samping itu, KSM juga menggalakkan OKU bekerja sendiri (*self employed*) dan berdikari. Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU telah dilancarkan di mana sejumlah RM22 juta telah diperuntukkan di bawah RMK-9 bagi tujuan ini.

809C-08/Justice-L15908(DR)/has...

NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
SOALAN : NO. 14

PUAN FONG PO KUAN [Batu Gajah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan pecahan mengikut etnik kemasukan pelajar Lepas SPM ke setiap kolej universiti dan beri senarai Institusi Pengajian Awam yang mempunyai kadar kemasukan pelajar Bumiputera melebihi 80 peratus daripada Bukan Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar ke IPTA untuk mengikuti program ijazah pertama adalah perlu mempunyai kelulusan STPM, Matrikulasi atau Diploma yang baik. Pelajar Lepas SPM hanya boleh mengikuti Program Pengajian Lepas SPM pada peringkat diploma atau asasi di 13 buah IPTA yang menawarkan program ini. Kemasukan dan penempatan pelajar berkenaan di IPTA tersebut bergantung kepada kelulusan, kekosongan tempat serta permohonan dari pelajar.

Pada kebiasaannya permohonan dari pelajar Bumiputera untuk mengikuti Program Pengajian Lepas SPM adalah lebih tinggi berbanding dengan Bukan Bumiputera. Pada Sesi Akademik 2008/2009 umpamanya, daripada 156,024 permohonan untuk mengikuti program berkenaan, sebanyak 135,944 (87.13%) permohonan adalah dikalangan pelajar Bumiputera, 6,390 (4.10%) permohonan dari pelajar Cina, serta 8,931 (5.72%) permohonan dari pelajar India dan lain-lain serta 4,759 (3.05%) pemohon tidak padan rekod. Berasaskan kepada keadaan tersebut, kemasukan pelajar lepasan SPM di kalangan pelajar Bumiputera sememangnya adalah lebih tinggi berbanding kaum Cina, India dan lain-lain kaum disemua IPTA yang menawarkan program tersebut.

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1342

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf pondok polis di Rancangan Tanah Felda.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jempol yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam perancangan untuk menaik taraf Pondok Polis kepada Balai Polis di rancangan Tanah Felda, PDRM mengguna pakai kriteria yang dijadikan garis panduan untuk menubuh / mewujudkan Balai Polis di seluruh negara. Kriteria tersebut ialah seperti berikut:

- a) Kepadatan penduduk melebihi 10,000 orang ;
- b) Penilaian keluasan kawasan liputan (keluasan tidak ditetapkan);
- c) Penilaian kedudukan indeks jenayah, jumlah laporan polis dan ancaman keselamatan (indeks tidak ditetapkan) ; dan
- d) Penilaian liputan keselamatan dan "response time" Polis.

Berdasarkan kriteria-kriteria tersebut, dari 73 buah Pondok Polis yang ada di seluruh Rancangan Tanah Felda, sebanyak 9 buah Pondok Polis telah dicadangkan untuk di naik taraf menjadi Balai Polis. Pondok Polis yang berkenaan ialah :

- i) Pondok Polis Felda Cheneh, Terengganu
- ii) Pondok Polis Felda Bukit Bading, Terengganu
- iii) Pondok Polis Felda Lubok Merbau, Kedah
- iv) Pondok Polis Felda Adela, Johor
- v) Pondok Polis Felda Waha, Johor
- vi) Pondok Polis Felda Nitar, Johor
- vii) Pondok Polis Felda Tenggaroh, Johor
- viii) Pondok Polis Felda Palong, Negeri Sembilan
- ix) Pondok Polis Felda Cahaya Masai, Johor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**
[PASIR PUTIH]
TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT : **25.11.2008**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tarikh akhir yang diberikan kepada pihak berkuasa negeri-negeri untuk melaksanakan pengambilalihan aktiviti pembedungan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti diarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua

Operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan pembedungan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Walau bagaimanapun, skop perkhidmatan IWK tidak meliputi

kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Kelantan dan dua kawasan PBT di negeri Johor iaitu Bandar Raya Johor Bharu dan Pasir Gudang. Sehingga hari ini, perkhidmatan pembedung di kawasan tersebut disenggarakan oleh PBT masing-masing.

Dengan berkuat kuasanya Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), Kerajaan telah memberi pilihan kepada kedua-dua kerajaan negeri tersebut untuk menguruskan sendiri yang perkhidmatan pembedungannya. Perbincangan di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan pihak kerajaan negeri tersebut sedang dijalankan bagi membolehkan pengambilalihan tersebut dilaksanakan secara sistematik.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Haji Tajuddin bin Abdul
Rahman [Pasir Salak]
TARIKH : 25 November 2008 (Selasa)
SOALAN :

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan menyatakan dengan jelas keyakinan Kerajaan untuk mendapatkan pelaburan sektor awam dan swasta dan nyatakan jumlahnya yang diperlukan untuk membangunkan sektor pertanian menjadi sumber kekayaan baru dan menjadi sektor ketiga penting kepada ekonomi negara menjelang 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan telah mensasarkan agar sektor agro-makanan menjadi enjin pertumbuhan ekonomi ketiga kepada negara dan untuk itu Kerajaan menyedari pelaburan sektor awam dan sektor swasta amat penting bagi merealisasikan hasrat ini. Kerajaan telah mensasarkan, sebanyak RM 20 billion bagi pelaburan sektor swasta dalam sektor agro-makanan dan RM 6 billion daripada sektor awam. Walau bagaimanapun, sehingga Ogos 2008 pelaburan sektor swasta hanya menyumbang kira-kira RM 6 billion sahaja

dalam agro-makanan. Oleh itu, pelbagai usaha sedang giat dijalankan untuk menarik pelaburan swasta dan asing bagi membangunkan sektor ini.

2. Antara- usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk menarik penyertaan pelaburan swasta dan asing adalah pembangunan Projek Berimpak Tinggi (HIP) termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Negara (NFC) dan Industri Asas Tani.

3. Bagi galakan untuk pengeluaran di dalam sektor agro-makanan, Kerajaan telah menyediakan tawaran insentif dalam bentuk insentif fiskal dan insentif bukan fiskal kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur dalam sektor pertanian dan juga mengusahakan ladang pengeluaran makanan secara komersial,

4. Sehingga Oktober 2008, jumlah syarikat yang melabur di dalam sektor agro-makanan yang telah diluluskan insentif pengecualian cukai adalah sebanyak 292 syarikat dengan nilai pelaburan sebanyak RM 3.1 billion.

5. Di samping itu, Kerajaan berharap agar kemudahan insentif ini menjadi pemangkin dalam menambah pengeluaran bahan makanan dan mengurangkan pergantungan bekalan yang diimport bagi menjamin keselamatan bekalan makanan negara.

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1344

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja dari setiap negara asing dalam bidang pengurusan, perkhidmatan dan buruh yang berada di setiap negeri.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 25.11.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Sepanggar di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing yang bergiat dalam bidang pengurusan, diklasifikasikan sebagai pegawai dagang atau ekspatriat dan dikeluarkan pas penggajian untuk bekerja di Malaysia. Sehingga 31 Oktober 2008, seramai 37,397 orang warga asing telah diluluskan kemasukan sebagai pegawai dagang dan terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran untuk syarikat yang terlibat dalam sektor-sektor seperti perkilangan, pendidikan, pembinaan, pengangkutan dan sebagainya di Malaysia. Warga asing yang paling ramai diluluskan kemasukan sebagai pegawai dagang adalah daripada India iaitu seramai 7,383 orang diikuti warga China seramai 3,355 orang dan Jepun iaitu 3,006 orang. Selain itu, terdapat juga pegawai dagang daripada Pakistan seramai 2,412 orang, Britain (2,068 orang), Indonesia (1,922 orang), Filipina (1,912 orang), Korea Selatan (1,656 orang), Bangladesh (1,594 orang), Singapura (1,562 orang) dan Australia (1,188 orang). Negara-negara yang mencatatkan jumlah pegawai dagang yang kurang daripada satu ribu orang pula adalah seperti Amerika Syarikat (951 orang), Taiwan (843 orang), Myanmar (737 orang), Thailand (631 orang), Jerman (525 orang), Perancis (516 orang), Kanada (438 orang), Belanda (277 orang) dan New Zealand (190 orang). Bakinya seramai 4,231 orang

adalah merupakan warga asing daripada lain-lain negara yang turut berkhidmat di negara ini sebagai pegawai dagang. Pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat berkenaan jumlah pegawai dagang di negeri-negeri memandangkan kelulusan pegawai dagang adalah diproses melalui Jawatankuasa Pegawai Dagang (JKPD) di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya sahaja.

Bagi pekerja asing tidak mahir atau separa mahir, mereka bekerja di Malaysia menggunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Sektor perkhidmatan mencatatkan jumlah pekerja asing seramai 211,057 orang iaitu 10 peratus daripada keseluruhan pekerja asing di dalam enam sektor yang dibenarkan iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian yang sehingga kini telah mencapai 2,096,675 orang. Daripada jumlah tersebut, majoriti pekerja asing bekerja di Selangor dan Lembah Klang iaitu seramai 1,106,203 orang. Selebihnya adalah di negeri Johor seramai 252,166 orang, negeri Sabah seramai 177,907 orang, negeri Sarawak seramai 150,867 orang dan di Pulau Pinang seramai 116,904 orang. Di negeri Perak pula, jumlah pekerja asing adalah seramai 72,258 orang diikuti negeri Melaka iaitu 71,290 orang dan negeri Pahang seramai 59,865 orang. Negeri Sembilan pula mencatatkan seramai 38,039 orang pekerja asing manakala Kedah pula seramai 27,510 orang. Kelantan dan Terengganu masing-masing mencatatkan seramai 8,780 orang dan 8,682 orang pekerja asing. Sebilangan kecil pekerja asing bekerja di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu seramai 4,957 orang sahaja.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN.

DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan masyarakat Malaysia terutamanya golongan wanita diberi ilmu pengetahuan yang meluas mengenai perubahan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu perubahan iklim membawa kesan-kesan ke atas manusia di seluruh dunia termasuk Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian ini mengadakan kempen bersepadu untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu perubahan iklim yang mencakupi pelbagai kumpulan sasaran seperti pelajar, masyarakat desa dan bandar, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan lain-lain. Antara aktiviti-

aktiviti kesedaran yang diadakan untuk kumpulan-kumpulan sasaran ini termasuk:

- i. Pameran di tempat-tempat awam;
- ii. Kem Kesedaran Alam Sekitar;
- iii. Seminar dan sesi ceramah yang melibatkan pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan swasta;
- iv. Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi;
- v. Penerbitan buku *Climate Change in Malaysia*, brosur bertajuk *You Can Fight Climate Change Today*, Majalah Era Hijau dan Majalah Impak;
- vi. Penerbitan rencana dan iklan di media elektronik dan media cetak termasuk Kempen "Tabiat takpa, bumi binasa"; dan
- vii. Pemberian Anugerah seperti Anugerah Alam Sekitar (Bandar Lestari dan Sekolah Lestari) sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha dan sumbangan individu, agensi kerajaan, NGO dan sektor swasta dalam bidang alam sekitar termasuk isu perubahan iklim.

Selain itu, bagi kalangan wanita, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama NGO dan swasta telah menganjurkan Persidangan Wanita dan Alam Sekitar pada tahun 2003 dan 2005 yang bertujuan untuk menyediakan forum untuk kaum wanita dari pelbagai latarbelakang pendidikan dan sosio-ekonomi untuk bertemu dan bertukar-tukar pandangan serta pendapat mereka. Penyertaan seramai 1000 orang dalam kedua-dua seminar ini menunjukkan komitmen golongan wanita

yang tinggi dalam isu-isu berkaitan alam sekitar termasuk perubahan iklim. Pihak JAS akan terus mengadakan program seperti ini dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kesedaran golongan wanita terhadap isu perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT

TARIKH : 25 NOVEMBER 2008

1. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** mengatakan bilangan sasaran graduan yang akan memberi latihan melalui program keusahawanan yang sedang diperkenalkan setiap tahun. Bolehkah Kementerian menyatakan berapa bilangan graduan yang masih menganggur yang terdapat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi(MECD) sentiasa menyediakan peluang-peluang latihan keusahawanan kepada graduan-graduan yang telah menamatkan pengajian mereka. Para graduan diberi peluang untuk mengikuti latihan keusahawanan melalui dua program yang

khusus untuk mereka iaitu Skim Usahawan Siswazah oleh Institut Keusahawanan Negara(INSKEN) dan Program Francais Siswazah oleh Perbadanan Nasional Berhad(PNS).

Menurut sumber yang diperolehi daripada Kementerian Sumber Manusia sehingga Disember 2007 terdapat seramai 49,976 pendaftar aktif dari kalangan siswazah yang melaporkan status sebagai tidak bekerja. Daripada jumlah ini, seramai 41,289 siswazah di Semenanjung, 3,922 di Sabah dan 4,765 di Sarawak.

Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan, Institut Keusahawanan Negara(INSKEN) mensasarkan untuk melatih seramai 5000 graduan dibawah program Skim Usahawan Siswazah dan mewujudkan sekurang-kurangnya 1,000 usahawan daripada jumlah tersebut. Sehingga September 2008, seramai 2356 peserta telah mengikuti latihan dan seramai 528 telah menjadi usahawan. Manakala PNS pula mensasarkan untuk melatih seramai 1500 peserta dari kalangan siswazah dalam industri francais. Sehingga kini seramai 189 peserta telah mengikuti latihan dan seramai 53 peserta telah pun menjadi usahawan dan membuka outlet masing-masing.

Bagi memantapkan dan membuka peluang kepada graduan untuk menceburi bidang keusahawanan, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Membuka peluang perniagaan seperti peluang perniagaan di dalam bidang francais, *contract farming*, *contract manufacturing* dan program rantaian nilai;
- ii. Menyediakan pembiayaan melalui Tabung Usahawan Siswazah. Setakat ini sebanyak RM22,836,170.00 telah dikeluarkan oleh Bank SME bagi membiayai seramai 256 usahawan;

- iii. Memberi kelulusan pinjaman bersyarat kepada siswa/i di tahun akhir pengajian dengan syarat mereka telah mengikuti Program Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan MECD di IPT;
- iv. Menempatkan siswa/i di syarikat-syarikat yang terpilih untuk pendedahan alam keusahawanan; dan
- v. Mengadakan Gerak Usahawan di luar negara untuk pelajar-pelajar Malaysia bagi mendedahkan mereka mengenai peluang-peluang dan bantuan perniagaan yang disediakan oleh Kerajaan. Kementerian akan mengadakan program ini di Mesir pada akhir bulan ini yang melibatkan kira-kira 3,000 pelajar Malaysia di negara tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1343

Soalan :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah matlamat dan sebab KDN melanjutkan lagi tempoh penahanan ramai tahanan ISA di Kem Kemunting.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 adalah lebih ke arah untuk memulihkan orang tahanan dari fahaman yang dipercayai dan tindak tanduknya yang mendatangkan ancaman kepada negara daripada menghukumnya sebagaimana penjenayah-penjenayah yang dipenjarakan. Orang tahanan akan dinilai dari pelbagai aspek dan perlu mematuhi saluran-saluran yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan sebelum boleh dibebaskan. Penerusan atau perlanjutan sesuatu Perintah Tahanan itu akan diputuskan oleh Menteri Dalam Negeri dengan mengambil kira syor daripada pelbagai pihak seperti Lembaga Penasihat dan Kementerian sama ada seseorang itu telah insaf atau ditaksirkan masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Sekiranya seseorang tahanan itu ditaksirkan telah pulih dan tidak lagi mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara, pastinya tahanan tersebut akan dibebaskan sama ada melalui pembebasan bersyarat (penggantungan perintah tahanan) atau perintah tahanan dibiarkan tamat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

KAWASAN : PUCHONG

RUJUKAN : 1400

TARIKH : 25 NOVEMBER 2008

Y.B. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan warganegara Indonesia yang telah diberikan kewarganegaraan Malaysia dalam 10 tahun yang lalu dan bilangan warganegara lain yang telah diberikan kewarganegaraan dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu iaitu dari tahun 1998 hingga Julai 2008, seramai 1,741 warga Indonesia telah diberikan taraf warganegara Malaysia manakala warganegara lain yang mendapat taraf warganegara Malaysia bagi tempoh yang sama ialah seramai 2,735 orang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : 25.11.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [HULU SELANGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu (peruntukan khas) guru-guru yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti ko-kurikulum yang beruniform terutamanya yang melibatkan aktiviti di luar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini, tiada peruntukan khas dalam bentuk elaun atau insentif yang diberikan kepada guru-guru yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kokurikulum bagi pasukan beruniform di sekolah. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2008, Kerajaan telah meluluskan Bayaran Insentif Jurulatih Sukan (BIJS) kepada jurulatih di bawah Program Bakat Muda di Pusat Kecemerlangan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kadar bayaran yang diberikan adalah mengikut tahap kemahiran jurulatih iaitu Tahap 1 sebanyak RM225.00, Tahap 2 sebanyak RM300.00 dan Tahap 3 sebanyak RM375.00 yang layak dibayar kepada guru-guru yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 24

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1346

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes peragut, rogol, penagih dadah dan pecah rumah yang telah dilaporkan di setiap daerah dalam negeri Johor pada tahun 2006, 2007 dan 2008. Berapakah kes yang telah dihukum oleh mahkamah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kes-kes jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 26,998 kes Jenayah Indeks dilaporkan di negeri Johor pada tahun 2006. Secara purata, terdapat 3 daerah yang mencatatkan laporan kes tertinggi iaitu Johor Bahru Selatan sebanyak 6,456 kes; Johor Bahru Utara sebanyak 5,904 kes; dan Sri Alam sebanyak 5,474 kes. Bagi kes rogol, sebanyak 343 kes telah dilaporkan; diikuti dengan kes pecah rumah siang hari sebanyak 817 kes, pecah rumah malam hari sebanyak 2,528 kes dan kes ragut sebanyak 980 kes bagi seluruh Kontinjen Johor.

Bagi tahun 2007, sebanyak 26,841 kes dilaporkan pada tahun 2007. Terdapat 3 daerah mencatatkan laporan kes tertinggi iaitu Johor Bahru Utara sebanyak 6,065 kes Sri Alam sebanyak 5,269 kes dan Johor Bahru Selatan sebanyak 5,243 kes. Bagi kes rogol, sebanyak 479 kes telah dilaporkan dan diikuti dengan kes pecah rumah siang hari sebanyak 618 kes dan pecah rumah malam hari sebanyak 782 kes bagi keseluruhan Kontinjen Johor.

Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Julai tahun 2008, sebanyak 16,009 kes Jenayah Indeks telah dilaporkan bagi keseluruhan Kontinjen Johor. 3 Daerah mencatatkan laporan kes tertinggi iaitu Johor Bahru Selatan sebanyak 3,762 kes, Sri Alam 2,674 kes dan Johor Bahru Utara Sebanyak 2,343 kes. Sebanyak 320 kes rogol telah dilaporkan bagi tempoh tersebut, diikuti dengan kes pecah rumah siang hari 36 kes, pecah rumah malam hari 2,148 kes dan ragut sebanyak 5 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Secara purata, sebanyak 10,640 kes atau 39.64% telah berjaya diselesaikan pada tahun 2006, manakala bagi tahun 2007, jumlah penyelesaian kes adalah sebanyak 11,895 kes atau 44.31% dan sebanyak 11,895 kes atau 40.7% bagi tempoh bulan Januari hingga Julai pada tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, beberapa langkah telah diambil bagi memantapkan dan memperkasakan pihak polis dalam usaha pencegahan jenayah. Antaranya ialah seperti mempertingkatkan kehadiran (*omnipresence*) pihak polis di tempat-tempat yang strategik bagi menjaga keamanan setempat seperti di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah (*crime prone area*), tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti pusat membeli belah, kawasan perniagaan dan hiburan serta tempat-tempat yang sibuk seperti stesen bas, LRT dan sebagainya.

Selain itu, bagi menampung kehadiran (*omnipresence*) pihak polis secara konsisten, Pondok Polis atau Balai Polis Komuniti telah diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Kawasan pengawasan (*surveillance area*) juga perlu diperkecilkan agar kehadiran serta tumpuan pihak polis di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang padat dapat dipertingkatkan.

Bagi mempertingkatkan pengumpulan data, maklumat dan risikan keselamatan, konsep sedia ada seperti Rakan Cop perlu diperluaskan. Konsep ini bertujuan memberi satu ruang kepada orang ramai untuk membantu pihak polis dengan menyalurkan maklumat mengenai aktiviti jenayah dengan cepat dan tepat dengan menggunakan kemudahan teknologi masa kini. Sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dan sistem atas talian (*online*) dimanfaatkan sebaik mungkin bagi tujuan tersebut.

Pihak polis turut menggunakan pendekatan bersepadu dari sudut dalaman dan luaran dalam usaha untuk mencegah dan mengesan jenayah di antara semua komponen PDRM. Sebagai contoh, Polis Trafik bukan sahaja menjalankan tugas mengawal lalu lintas tetapi turut menjalankan tugas mengesan dan menangkap penjenayah. Di samping itu, usaha untuk mengadakan kawalan dan rondaan bersepadu di antara agensi penguatkuasaan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Imigresen dan Kastam turut dilaksanakan.

Pihak polis turut mengadakan "Standard Operating Procedures" atau protokol yang seragam bagi mengintegrasikan semua CCTV yang digunapakai oleh Polis, PBT, kompleks perniagaan dan lain-lain.

Selain itu, konsep 'Broken Windows' turut di laksanakan di seluruh negara di mana orang ramai dimaklumkan supaya bertanggungjawab terhadap keselamatan rumah dan kawasan masing-masing. Orang ramai perlu membantu pihak polis secara sukarela supaya amalan sedemikian akan menjadi benteng daripada berlakunya jenayah.

SOALAN NO : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) setakat manakah pengawalan penyakit berjangkit seperti penyakit kusta yang pernah menjadi satu fenomena kepada negara pada satu ketika dahulu; dan
- (b) adakah negara Malaysia bebas daripada wabak penyakit kusta ini serta berapakah jumlah yang masih menerima rawatan di Pusat Kusta Negara di Sungai Buloh.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sejak program kawalan kusta dimulakan pada tahun 1969, bilangan pesakit kusta telah banyak berkurangan di mana pada

tahun 1987, sejumlah 6,373 kes kusta sedang menerima rawatan manakala pada tahun 2007, hanya sejumlah 681 kes kusta sedang menerima rawatan. Penyakit kusta ini boleh dirawat sehingga sembuh sebagai pesakit luar dan tidak memerlukan kemasukan ke leprosorium untuk rawatan seumur hidup yang mana kebanyakan leprosorium ini telah pun ditutup. Malaysia telah berjaya mengawal penyakit kusta daripada menjadi masalah penyakit berjangkit yang utama di negara ini. Bermula dari tahun 1994, Malaysia telah mula dapat membasmi (*eliminate*) penyakit kusta dan sejak itu, tahap eliminasi kusta telah berjaya dikekalkan di mana kadar prevalen penyakit kusta adalah kurang dari 1 per 10,000 penduduk Malaysia setiap tahun. Pada tahun 2007, sejumlah 190 kes baru telah dikesan dan 681 kes masih menerima rawatan kusta. Aktiviti pengesanan kes awal, rawatan, pencegahan kecacatan dan kawalan masih diteruskan bagi memastikan tahap eliminasi ini dikekalkan dan seterusnya diharap akan dapat membebaskan negara daripada penyakit kusta.

Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh sudah tidak menerima kemasukan kes-kes baru kusta berikutan polisi integrasi pengurusan kes kusta tahun 1995 di mana kes kusta hendaklah dirawat sebagai pesakit luar. Pada tahun ini, tiada kes kusta baru yang menerima rawatan di PKKN. Bilangan penghuni di PKKN telah berkurangan daripada 2,400 orang pada tahun 1969 kepada sejumlah 275 orang sahaja yang

merupakan bekas pesakit kusta dan masih tinggal di sekitar PKKN kerana mereka tidak mempunyai keluarga dan saudara mara. Sejumlah 134 orang daripadanya menetap di rumah-rumah kecil di sekitar kawasan PKKN manakala 141 orang lagi tinggal di wad yang terdiri daripada 83 lelaki dan 58 orang perempuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada setiap Ahli Parlimen untuk projek-projek yang telah diberikan kepada setiap Ahli Parlimen untuk projek-projek kecil di kawasan Parlimen masing-masing dan bagaimanakah Ahli-Ahli Parlimen (termasuk mereka yang bukan Ahli Parlimen Barisan Nasional) boleh memohon dan mendapat peruntukan-peruntukan tersebut.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan memperuntukan antara RM500,000.00 hingga RM1.0 juta bagi setiap Kawasan Parlimen di bawah Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri. Projek dan program yang

boleh dipohon di bawah peruntukan ini meliputi projek infrastruktur, program sosial, kebajikan dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Semua permohonan ini akan dipertimbangkan oleh Pengarah Pembangunan Negeri di negeri masing-masing berasaskan penurunan kuasa oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Pelaksanaan program dan projek berkenaan dibuat berasaskan kepada peraturan-peraturan kewangan seperti mana ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L
SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH : 25 NOV 2008

SOALAN :

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
BERAPAKAH JUMLAH KONTRAKTOR INDIA YANG
MENDAPAT PROJEK TERUS DARI
KEMENTERIANNYA DAN BERAPAKAH NILAI
TAWARAN TERSEBUT DAN NYATAKAN NAMA
SYARIKAT YANG MENDAPAT KONTRAK-KONTRAK
TERSEBUT BAGI TAHUN 2005, 2006 DAN 2007.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KONTRAKTOR-KONTRAKTOR YANG MENERIMA PROJEK DARIPADA KERAJAAN HANYA DAPAT DISEMAK SAMA ADA BERSTATUS KONTRAKTOR BUMIPUTERA ATAU KONTRAKTOR BUKAN BUMIPUTERA. STATUS INI TELAH DISEMAK MELALUI STATUS PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK).

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DARIPADA TAHUN 2005 HINGGA 2007, SEBANYAK 23 PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH DITAWARKAN KEPADA KONTRAKTOR BERSTATUS BUKAN BUMIPUTERA YANG BERNILAI RM612.9 JUTA.

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)
TARIKH : 25 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan tahun 2008 yang telah diberikan kepada semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Melaka dan baki peruntukan yang masih belum digunakan oleh mereka. Sila berikan juga butir-butir projek yang mereka menggunakan peruntukan ini.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan RM11.5 juta untuk Kawasan Parlimen di Negeri Melaka. Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan peruntukan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah ini, sebanyak 90.77% telah dibelanjakan. Projek/program yang dilaksanakan ini adalah

untuk faedah rakyat di kawasan Parlimen yang berkaitan meliputi projek infrastruktur kecil seperti jalan kampung, pagar, parit, longkang, bekalan elektrik, benteng/tembok, pembinaan/naiktaraf balairaya/dewan serbaguna, gelanggang sukan dan bangunan awam yang lain. Selain itu, peruntukan ini juga turut digunakan bagi membiayai program sosial, kebajikan dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

NW: 29

LAMPIRAN Q

SOALAN 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2008

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

langkah-langkah konkrit bagi meningkatkan pemuliharaan dan daya tarikan Kg. Kuantan Kuala Selangor khususnya populasi kelip-kelip.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan daya tarikan pelancong di Kampung Kuantan yang terkenal dengan tarikan kelip-kelip. Antaranya dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha bot supaya tidak menggunakan enjin semasa membawa pelancong-pelancong bagi mengelakkan pencemaran alam di sekitar kawasan tersebut. Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMKe-8) dan RMKe-9, sebanyak RM1,301,480.00 telah dibelanjakan untuk pembangunan pusat kelip-kelip di Kampung Kuantan Kuala Selangor. Antara komponen yang telah dilaksanakan ialah pembinaan jeti kecil terapung, pusat informasi dan penyediaan landskap di kawasan pusat kelip-kelip tersebut. Setakat bulan Jun 2008, seramai 27,102 orang telah berkunjung ke Kampung Kuantan untuk melihat kelip-kelip di situ.

NO: 30

LAMPIRAN R

SOALAN 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN
MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

Strategi dan langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan untuk menjadikan Balik Pulau sebagai sebuah destinasi pelancongan di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan, melalui agensinya Tourism Malaysia dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri sememangnya telah mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk mempromosikan destinasi yang unik dan berpotensi termasuk Balik Pulau sebagai destinasi pelancongan di Pulau Pinang.

Diantara usaha-usaha promosi yang dijalankan sedang dijalankan ialah :-

- i) Mempromosi Homestay di Pulau Betong, Balik Pulau guna untuk menjadikan kampung tersebut sebagai tempat tarikan pelancongan pelajar agar melawat dan menikmati keindahan suasana perkampungan serta budaya penduduk tempatan. Selain dari cara dan budaya, pelajar-pelajar juga mempelajari dan menikmati makanan tradisional semasa lawatan ke tempat berkenaan.

- ii) Mempromosikan sebagai kawasan Makanan Laut serta Chalet di Teluk Tempoyak bagi menjadikan tempat ini dikunjungi oleh pelancong-pelancong tempatan dan luar negara.
- iii) Memperhebatkan promosi untuk memperkenalkan buah-buahan tempatan seperti buah duriannya yang berkualiti tinggi terutama yang di hasilkan oleh Tropical Fruit Farm yang terletak di Balik Pulau.
- iv) Memperkenalkan dan mengiatkan promosi Tropical Spice Garden dan Butterfly Farm yang terletak di Balik Pulau.
- v) Memperhebatkan serta memperkenalkan kawasan Taman Negara Pulau Pinang dimana terdapatnya 'Turtle Sanctuary' dan 'Meromictic Lake'.
- vi) Memperkenalkan balik Pulau sebagai Kawasan dan destinasi 'Eco Tourism'

Selain dari itu sebagai langkah untuk menjadikan Balik Pulau sebagai destinasi pelancongan yang popular, seperti mana syor oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pulau Pinang supaya pihak swasta memilih Teluk Bahang untuk didirikan Pusat Konvensyen Antarabangsa.

Kementerian berharap dengan usaha sebegini, akan menjadikan Balik Pulau sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di kalangan pelancong-pelancong dalam dan luar Negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : SELASA, 25 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 17

SOALAN :

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

- (a) mengapakah penguatkuasaan terhadap aliran trafik dan kegiatan penjajaan haram di Jalan Masjid India tidak dibuat secara serius/hampir tiada; dan
- (b) mengapa tidak diwujudkan sistem penguatkuasaan dan pemantauan 24 jam dengan meletakkan pondok bit/anggota penguatkuasa di kawasan Bazar Masjid India tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kulim Bandar Baru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maklum dengan masalah aliran trafik di kawasan Masjid India. Kawasan ini sememangnya merupakan kawasan tumpuan warga kota khasnya untuk membeli belah. Di dalam kesibukan tersebut maka timbullah pemasalah aliran trafik dan kewujudan penjaja tanpa lesen. **Walau bagaimanapun, DBKL ada menempatkan anggota penguatkuasa bagi mengambil tindakan ke atas kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas dan penjaja tanpa lesen.** Mengikut statistik tindakan sepanjang bulan Januari 2008 hingga bulan Julai 2008 sebanyak **25,003 notis kompaun** di atas kesalahan lalu lintas jalan dan sebanyak **54 kenderaan ditunda.** Maklumat terperinci tindakan penguatkuasaan adalah seperti berikut :

i. Kesalahan Trafik

Pengeluaran Notis Kompaun	-	25,003 notis
Tunda Kenderaan	-	54 buah

ii. Penyitaan (kesalahan menjaja tanpa lesen)

Penjaja Bukan Warganegara	-	174 kes
Warganegara	-	190 kes

iii. Pindah Halangan

Jumlah Tindakan	-	348 tindakan
Jumlah Meja	-	119 buah
Jumlah Kerusi	-	223 buah
Jumlah Lain-lain	-	556 buah

Bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat, DBKL menerusi Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan sememangnya menempatkan anggota penguatkuasa setiap hari di sekitar Masjid India dari jam **8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam** dan cadangan untuk menempatkan anggota selama 24 jam adalah tidak praktikal **kerana semua peniaga akan menutupkan peniagaan sebelum pukul 12.00 tengah malam**. Di lokasi berkenaan juga terdapat pondok bit pihak Polis dan cadangan untuk meletakkan pondok bit untuk kegunaan penguatkuasa telah dikemukakan dan ianya dalam kajian pihak pengurusan DBKL.